

Sikap Tidak Produktif Punca Pesawah Melayu Ketinggalan dalam Industri Pertanian

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

Foto Oleh: Noor Azreen Awang



Putrajaya, 28 November – Meskipun harga beras terus meningkat, pesawah padi masih dikategorikan sebagai antara golongan pekerja paling miskin di Malaysia. Isu jurang kejayaan antara pesawah terus menjadi perhatian, dengan pelbagai faktor dikenal pasti sebagai punca ketidakseimbangan ini.

Menurut Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Dr. Zulkifli Idros, laporan terkini menunjukkan bahawa 25% pesawah Melayu hanya memperoleh pendapatan sekitar RM600 sebulan, seperti dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

"Sikap pesawah yang bergantung kepada subsidi kerajaan, termasuk baja dan racun perosak, subsidi ini pula sering berkualiti rendah, lambat dihantar, dan kekurangan mikronutrien penting yang diperlukan untuk pertumbuhan tanaman padi yang optimum," jelasnya.

"Sebaliknya, ada pesawah yang lebih proaktif, menggunakan sumber kewangan sendiri untuk membeli baja tambahan dan racun perosak berkualiti tinggi bagi meningkatkan produktiviti mereka. Ini membolehkan mereka memperoleh hasil tuaian yang lebih tinggi," ujarnya.

Ekosistem Pertanian Perlu Diperbaiki

Prof. Zulkifli turut menekankan bahawa kelemahan dalam ekosistem pertanian memainkan peranan besar. Harga benih yang tinggi, kelewatan penghantaran input pertanian, dan pengurusan subsidi yang tidak efisien telah menyukarkan pesawah untuk mencapai potensi penuh mereka.

"Selain subsidi yang tidak memadai, kelewatan penghantaran input seperti baja dan racun juga mengakibatkan hasil tuaian tidak mencapai sasaran," tambahnya dalam Forum Selari Keterjaminan Makanan sempena Festival Idea Putrajaya 2024 semalam.

Beliau merujuk kepada kajian Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyimpulkan bahawa perubahan sikap pesawah dan pengurusan sumber adalah langkah penting untuk meningkatkan kesejahteraan pesawah.

Keperluan Pendekatan Baharu

"Kerajaan sering memberi subsidi dan melancarkan pelbagai program, tetapi hasilnya tidak seperti yang diharapkan. Kita perlu menilai semula pendekatan ini. Selain menambah subsidi, kita mesti memperbaiki ekosistem pertanian secara keseluruhan untuk memastikan hasil yang lebih baik," tegas Prof. Zulkifli.

Beliau menegaskan bahawa jurang kejayaan bukan semata-mata berpunca

daripada subsidi atau teknologi, tetapi turut melibatkan faktor sikap, pengurusan sumber, dan ekosistem pertanian secara keseluruhan.

Langkah pembaharuan yang inklusif dan strategik diperlukan untuk memastikan semua petani, tanpa mengira kaum, dapat bersaing dalam industri pertanian dan menikmati hasil yang lebih baik.

Turut menjadi panel forum, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Keselamatan Makanan UPM Prof. Dr. Anjas Asmara Samsudin, Felo Penyelidik Bersekutu Institut Pertanian Tropika dan Keselamatan Makanan UPM, Dato' Prof. Dr. Zulkifli Idrus, Felo Prunding Institut Pertanian Tropika dan Keselamatan Makanan UPM, Prof. Madya Dr. Hawa ZE Jaafar dan Pengarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan UMT, Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah.

Berita Lain...



Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...



[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia